

# BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

## 1. PENGENALAN


Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Pulau Pinang diterajui oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) yang bertanggungjawab kepada Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Kanan Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia di dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan fungsi dan aktiviti farmasi dengan dibantu oleh Ketua-ketua Cawangan Pengurusan, Amalan & Perkembangan dan Penguatkuasaan Farmasi. Bahagian ini terletak di Aras 8, Bangunan Persekutuan, Jalan Anson, Pulau Pinang dan melaksanakan tiga aktiviti utama iaitu:

1. Pengurusan Farmasi
2. Amalan dan Perkembangan Farmasi
3. Penguatkuasaan Farmasi

## 2. OBJEKTIF

Memastikan semua keluaran farmaseutikal dan produk-produk penjagaan kesihatan yang berada di pasaran adalah berkualiti, selamat dan berkesan dan dikawal mengikut perundangan serta digunakan secara rasional.

## 3. CARTA ORGANISASI



#### 4. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

##### 4.1 PENGURUSAN FARMASI NEGERI

###### A. Perjawatan

Secara amnya, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri adalah bertanggungjawab ke atas perancangan dan pengurusan sumber manusia bagi tiga (3) kategori perjawatan utama iaitu Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Farmasi dan Pembantu Tadbir di samping beberapa jawatan anggota sokongan. Maklumat pengisian jawatan Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Pulau Pinang adalah seperti Jadual 7.1.

**Jadual 7.1: Pengisian Jawatan Perkhidmatan Farmasi Negeri Pulau Pinang Tahun 2018**

<b>GRED JAWATAN</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>PENGISIAN</b>	<b>KEKOSONGAN</b>	<b>% PENGISIAN</b>
<b>Pegawai Farmasi</b>				
Gred UF41/44/48/52/54	568	524	44	92
<b>Penolong Pegawai Farmasi</b>				
Gred U40	1	1	0	100
Gred U38	2	1	1	50
Gred U36	10	7	3	70
Gred U32	22	21	1	95
Gred U29	155	151	4	97
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>190</b>	<b>181</b>	<b>9</b>	<b>95</b>
<b>Penolong Pegawai/Pembantu Tadbir</b>				
Gred N32	2	2	0	100
Gred N29	6	5	1	83
Gred N26	1	1	0	100
Gred N22	8	8	0	100
Gred N19	30	29	1	97
SUP N29	1	1	0	100
PKP N19	1	1	0	100
Gred W19	3	3	0	100
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>52</b>	<b>50</b>	<b>2</b>	<b>96</b>
<b>Jawatan-jawatan Sokongan Lain</b>				

PPK U12	1	0	1	0
PPK U11	16	12	4	75
Pemandu R3	3	3	0	100
PRA R4	5	1	4	20
PA H11	27	21	6	78
PO N11	2	1	1	50
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>54</b>	<b>38</b>	<b>16</b>	<b>70</b>
<b>Jumlah Negeri</b>	<b>864</b>	<b>793</b>	<b>71</b>	<b>92</b>

## B. Sumber Kewangan

Pada tahun 2018, sejumlah RM 6,342,976 peruntukan telah diterima dengan kenaikan sebanyak 13.4% daripada peruntukan yang diterima pada tahun 2017. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan sebenar bagi tahun 2014 - 2018 ditunjukkan di dalam Jadual 7.2.

**Jadual 7.2: Prestasi Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Sebenar BPF Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 - 2018**

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Perbelanjaan
2014	4,999,510	5,328,843	106.59
2015	5,160,500	5,682,956	110.12
2016	6,420,538	6,579,546	102.48
2017	5,591,480	7,151,551	127.90
2018	6,342,976	6,841,178	107.85

Peruntukan mengurus yang diterima pada tahun 2018 adalah sebanyak RM 691,876. Kedudukan peruntukan mengurus dan perbelanjaan sebenar bagi tahun 2018 ditunjukkan di dalam Jadual 7.3.

**Jadual 7.3: Prestasi Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Sebenar Peruntukan Mengurus Bagi Bekalan dan Perkhidmatan (OS20000) BPF Negeri Pulau Pinang Tahun 2018**

Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Perbelanjaan
691,876	693,774	100.27

### C. Latihan

Bahagian Farmasi Negeri bertanggungjawab menganjurkan latihan berbentuk bengkel, kursus, seminar dan program CPD (Continuing Professional Development) di peringkat negeri dengan kerjasama Jabatan Farmasi Hospital/Kesihatan secara sistematik dan berterusan untuk anggota-anggota farmasi seluruh negeri Pulau Pinang. Dengan perbelanjaan RM 22,651.55 di bawah Peruntukan Belanja Pembangunan RMK-10 (Latihan Dalam Perkhidmatan), sebanyak 10 bengkel/kursus dan 2 sesi CPD telah dianjurkan seperti di Jadual 7.4.

**Jadual 7.4: Latihan Yang Dianjurkan oleh BPF Negeri Tahun 2018**

<b>Bil</b>	<b>Nama Latihan</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Jumlah Peserta</b>
<b>AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI</b>			
1	Kursus Methadone Bagi Pegawai Farmasi	19-20/03/2018	39
2	Program CPD (Anjuran BPFPP & Unit Farmasi PKD Seberang Perai Tengah)	24/03/2018	95
3	Bengkel <i>Basic Statistics</i>	28-29/03/2018	43
4	Program CPD (Anjuran BPFPP & Unit Farmasi PKD Timur Laut)	31/03/2018	95
5	Bengkel <i>Training Of Trainers</i> (TOT ) Penggunaan Ubat Secara Berkualiti-Pengguna (QUM-C)	09-10/04/2018	43
6	Kursus Pengukuhan Pengurusan Stor	11-12/04/2018	49
<b>JUMLAH</b>			<b>364</b>
<b>PENGUATKUASAAN FARMASI</b>			
1	Kursus Penguatkuasaan Farmasi Negeri Pulau Pinang	23-25/04/2018	45
<b>JUMLAH</b>			<b>45</b>
<b>PENGURUSAN FARMASI</b>			
1	Bengkel Audit Klinikal Farmasi Negeri P.Pinang	08/03/2018	43
2	Bengkel <i>Quality Assurance</i> (QA) - Fasa II	19-20/4/2018	53
3	Bengkel KIK - Fasa 1	23-24/04/2018	44

<b>Bil</b>	<b>Nama Latihan</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Jumlah Peserta</b>
4	Kursus Amalan Pendispensan Baik Bagi Penolong Pegawai Farmasi Negeri Pulau Pinang	2/7/2018	39
5	Bengkel KIK - Fasa 2	19/07/2018	35
<b>JUMLAH</b>			<b>214</b>
<b>LAIN-LAIN</b>			
1	Yuran Pendaftaran Konvensyen / Kursus	Sepanjang 2018	15
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>638</b>

#### **D. Aktiviti Kualiti**

**Jadual 7.5: Aktiviti Kualiti Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri 2018**

<b>Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kualiti Farmasi Negeri – 2 kali / tahun</b>	
Bil 1 / 2018	31 Mei 2018
Bil 2 / 2018	15 November 2018

## **Aktiviti Kualiti Farmasi Negeri Sepanjang Tahun 2018**

<b>Aktiviti</b>	
1. Bengkel QA Fasa 2 & Pembentangan Projek QA	
Tempat :	Bangunan Persekutuan, Jalan Anson, Pulau Pinang
Tarikh :	19 - 20 April 2018
2. Bengkel Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Tahun 2018 Fasa 1 & Fasa 2	
Tempat :	23 - 24 April 2018 & 19 Julai 2018
Tarikh :	Bilik Seminar, Tingkat 1, Klinik Kesihatan Seberang Jaya
3. Pembentangan Projek Inovasi	
Tempat :	Bangunan Persekutuan, Jalan Anson, Pulau Pinang
Tarikh :	24 Mei 2018
4. Pembentangan Kajian Audit Klinikal	
Tempat :	Dewan Nilam, Hospital Kepala Batas
Tarikh :	1 Ogos 2018
5. Penyelaras Hari Inovasi Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang 2018	
Tempat :	Auditorium, Bangunan ACC, Hospital Pulau Pinang
Tarikh :	15 - 16 Ogos 2018



**Gambar: Hari Inovasi Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang 2018**

## **4.2. AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI**

### **A. Pengenalan**


Cawangan Amalan Dan Perkembangan (A&P) Farmasi Negeri Pulau Pinang berfungsi untuk memastikan perolehan dan kepenggunaan ubat-ubatan yang berkualiti melalui Amalan Farmasi yang berkesan bagi mempertingkatkan Perkhidmatan Farmasi di Negeri Pulau Pinang supaya seiring dengan matlamat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Cawangan A&P Farmasi Negeri terdiri daripada Unit Penjagaan Farmaseutikal dan Unit Farmasi Logistik yang bertanggungjawab untuk memantau aktiviti farmasi di 6 hospital dan 5 Pejabat Kesihatan Daerah yang merangkumi 30 klinik kesihatan.


### **B. Perbelanjaan Ubat dan Bukan Ubat**

Jabatan Farmasi di hospital dan klinik kesihatan menguruskan perolehan ubat, vaksin, bukan ubat, reagen dan gas perubatan.


### PERUNTUKAN & PERBELANJAAN : UBAT (27401)




### PERUNTUKAN & PERBELANJAAN : BUKAN UBAT (27499)




### PERUNTUKAN & PERBELANJAAN : VAKSIN (27404)



### PERUNTUKAN & PERBELANJAAN : REAGEN (27403)




### PERUNTUKAN & PERBELANJAAN : GAS PERUBATAN (27402)




### C. Perkhidmatan Farmasi Ambulatori

#### i. Preskripsi pesakit luar yang diterima



**ii. Kaunseling Ubat-ubatan Pesakit Di Farmasi Pesakit Luar (tidak termasuk kaunseling *Medication Therapy Adherence Clinic – MTAC*)**



**iii. Perkhidmatan *Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)***

Perkhidmatan MTAC melibatkan kolaborasi di antara pegawai farmasi dan pegawai perubatan di dalam memberi penjagaan farmaseutikal kepada pesakit. MTAC dilaksanakan oleh pegawai farmasi dengan menjalankan pemantauan terapi ubat-ubatan dan pemberian maklumat kepada pesakit yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pesakit tentang rawatan farmakoterapi dan memberikan motivasi agar pesakit mempunyai persepsi yang positif tentang penyakit dan rawatan yang diterima. Sebanyak 11 jenis perkhidmatan MTAC dijalankan di hospital dan klinik kesihatan di Negeri Pulau Pinang.


Bil	Jenis MTAC	2016	2017	2018
1.	Diabetes Mellitus	7,576	8,691	9,934
2.	Retroviral Disease	1,696	1,598	2,407
3.	Respiratory	614	521	591
4,	Warfarin	15,068	15,275	15,587
5.	Chronic Kidney Disease	192	376	416
6.	Renal Transplant	38	26	52
7.	Rheumatology	202	196	240

8.	Psoriasis	120	137	153
9.	Heart Failure	282	401	804
10.	Psychiatric	368	646	667
11.	Hemodialisis/ CAPD	-	-	17
<b>Jumlah</b>		<b>24,507</b>	<b>26,156</b>	<b>30,868</b>


#### iv. Rawatan Terapi Gantian Methadone

Terdapat sebanyak 26 pusat pendispensan methadone di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Pulau Pinang melibatkan 2 hospital, 16 klinik kesihatan, 4 AADK, 2 penjara dan 2 klinik swasta.

#### Aktiviti kaunseling pendispensan Methadone



### Aktiviti Intervensi Pendispensan Methadone



### v. Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi ( Value Added Service-VAS)


Hospital dan klinik kesihatan Negeri Pulau Pinang menyediakan Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi seperti Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu, Sistem Temujanji (terdiri daripada pelbagai medium seperti kad, telefon, Pusat Pungutan Ubat Susulan Setempat - *Medilock*), Farmasi Pandu Lalu dan Ubat Melalui Pos (UMP).

2017		2018	
BIL. PRESKRIPSI SUSULAN	BIL. PRESKRIPSI SUSULAN DIDISPEN SECARA VAS	BIL. PRESKRIPSI SUSULAN	BIL. PRESKRIPSI SUSULAN DIDISPEN SECARA VAS
1,207,504	200,237 (16.9%)	1,314,230	238,406 (18.1%)


## D. Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam

### i. Preskripsi pesakit dalam yang diterima

Semakan semula dan pelarasan cara pelaporan preskripsi pesakit dalam yang diterima secara Unit Dos menyebabkan data bilangan preskripsi pada tahun 2018 menunjukkan penurunan.



### ii. Kaunseling ubat-ubatan pesakit dalam (secara *bedside* dan discaj)



## F. Penggunaan Ubat Secara Berkualiti

Penggunaan Ubat Secara Berkualiti – Pengguna (PUB-P) merupakan satu daripada komponen Dasar Ubat Nasional (DUNas). Komponen ini menekankan peranan utama ahli farmasi dan pengamal perubatan dalam menyumbang kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti, selamat dan berkesan.

Program Duta Kenali Ubat Anda (KUA) merupakan program *community empowerment* bertujuan untuk memperkasa komuniti berkenaan penggunaan ubat secara berkualiti. Duta Kenali Ubat Anda yang merupakan wakil komuniti, akan bertindak sebagai pemudah cara dalam menyalurkan informasi secara lebih berkesan kepada masyarakat setempat. Melalui program ini, pegawai farmasi menjalankan program-program pendidikan berkaitan ubat-ubatan kepada masyarakat bersama-sama dengan Duta KUA. Sehingga tahun 2018, seramai 40 orang duta KUA telah dilantik bagi Negeri Pulau Pinang.

#### Bilangan aktiviti Kenali Ubat Anda

Aktiviti	2016	2017	2018
1) Pameran	82	72	65
2) Ceramah	73	78	58
3) Aktiviti Duta Kenali Ubat Anda	27	34	47
<b>Jumlah</b>	<b>182</b>	<b>184</b>	<b>170</b>

#### G. Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator - KPI*) Bagi Tahun 2018

Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
1.	Bilangan sesi aktiviti bersama komuniti yang dijalankan melalui kolaborasi dengan Duta Kenali Ubat Anda	30 sesi	47 sesi
2.	Peratus preskripsi didispens dalam tempoh 30 minit	95.0%	97.1% (2,730,884/ 2,812,526)
3.	Peratus fasiliti KKM mencapai simpanan stok ubat yang optima dalam julat 1-3 bulan	90.0%	81.8% (9/11)
4.	Bilangan aktiviti pendidikan & kesedaran pengguna yang dilaksanakan	150 program	170 program
5.	Peratus fasiliti farmasi yang menawarkan perkhidmatan <i>Medication</i>	Hospital utama: 4 MTAC	

	<p><i>Therapy Adherence Clinic (MTAC)</i></p>	<p>Hospital Berpakar Major: 3 MTAC</p> <p>Hospital Berpakar Minor: 2 MTAC</p> <p>Hospital Tidak Berpakar (mempunyai ≥ 4 Pegawai Farmasi): 1 MTAC</p> <p>Klinik kesihatan dengan kriteria ≥3 Pegawai farmasi: 1 MTAC</p>	<p>100%</p> <p>HPP: 4 MTAC</p> <p>HSJ: 3 MTAC</p> <p>HBM: 2 MTAC</p> <p>HKB: 2 MTAC</p> <p>HSB dan HBP: 1 MTAC</p> <p>100%</p> <p>24 klinik kesihatan: 1 MTAC</p>
6.	<p>Peratus fasiliti farmasi yang diaudit oleh Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) dalam tempoh 2 tahun</p>	<p>100% fasiliti diaudit dalam tempoh 2 tahun</p>	<p>2017: 19 fasiliti</p> <p>2018: 14 fasiliti</p> <p>Jumlah fasiliti farmasi diaudit dalam tempoh 2 tahun: 33 fasiliti</p> <p>Peratus pencapaian: 100%</p>

## I. Aktiviti Amalan dan Perkembangan Farmasi Tahun 2018

### 1. Penang World Pharmacists' Day 2018

Sambutan Hari Farmasi Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang diadakan pada 11 - 12 Ogos 2018 di Sunway Carnival Mall, Pulau Pinang. Program ini diadakan dengan kerjasama Malaysian Pharmaceutical Society dan Malaysian Community Pharmacy Guild dengan tema *Pharmacists: Your Medicines Experts*.



### 2. Program Duta Prihatin Masyarakat (DPM)

Program DPM merupakan satu daripada inisiatif bagi memastikan pengurusan ubat-ubatan di rumah pesakit adalah dengan cara yang betul dan selamat. Program ini melibatkan lawatan oleh pegawai farmasi Klinik Kesihatan Bukit Panchor bersama Duta Kenali Ubat Anda ke rumah pesakit yang terpilih.



### 3. Kempen Keselamatan Pengubatan Tahun 2018

Kempen Keselamatan Pengubatan dijalankan di semua hospital dan klinik kesihatan KKM pada 1 Julai hingga 30 Ogos 2018. Majlis pelancaran kempen ini telah disempurnakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri pada 31 Julai 2018 di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) dan serentak dengan itu, pameran Keselamatan Pengubatan telah diadakan di Hospital Pulau Pinang dengan tema *Medication Without Harm* pada tarikh yang sama.



### 4.3 PENGUATKUASAAN FARMASI

#### A. PENGENALAN

Aktiviti penguatkuasaan bertujuan untuk memastikan bahawa pengilangan, pengimportan, penjualan, pengedaran, pengurusan dan penggunaan keluaran farmaseutikal, keluaran pemeliharaan kesihatan, keluaran tradisional dan kosmetik dilaksanakan mengikut undang-undang.

Undang-undang dan Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh Cawangan ini ialah :

Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951

Akta Racun 1952 (disemak 1989) dan Peraturan-peraturan

Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Peraturan-peraturan

Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan

Kosmetik 1984

Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturan

Aktiviti Cawangan Penguatkuasaan Farmasi merangkumi 7 aktiviti utama iaitu:

- 1) Pelesenan
- 2) Pemeriksaan Premis
- 3) Penyaringan Pengimportan dan Pemeriksaan di Pintu Masuk Kastam
- 4) Operasi dan Risikan
- 5) Penyiasatan dan Pendakwaan
- 6) Saringan Iklan dan Kualiti
- 7) Kawalan Farmaseutikal dan Pendidikan Pengguna.
- 8)

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian aktiviti penguatkuasaan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Pulau Pinang.


**Jadual 7.6: Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Dan Pelesenan Farmasi Bagi Tahun 2014-2018**

<b>AKTIVITI</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
Jumlah Lesen/ Permit Yang Dikeluarkan	951	971	1,001	1,041	1169
Pemeriksaan Klinik	200	203	229	239	244
Pemeriksaan Premis Berlesen	945	609	799	917	875
Pemeriksaan Rutin Atas Premis Yang Tidak Berlesen	400	585	567	527	526
Pemeriksaan untuk Lesen PBKD	74	62	61	63	46
Bil. Konsainmen Diperiksa Dipintu Masuk	21,037	21,387	23,330	22,164	25,939
Bil. Item Diperiksa Dipintu Masuk	58,026	58,428	53,753	58,422	62,786
Bil. bagasi Diperiksa Dari Bagasi Penumpang	27,399	66,703	119,750	134,078	130,045
Operasi Serbuan Terancang Negeri	100	107	98	109	119
Bil. Item Dirampas	6,909	2977	1864	1388	2079
Nilai Rampasan (RM)	3,456,286	3,047,983	883,971	417,280	10,488,406
Siasatan Aduan / Maklumat	111	90	103	91	112
Bil. Kes Siasatan Yang Selesai (Selain Dari Kes Iklan)	80	122	100	107	95
Siasatan Kes Di Bawah Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956	3	2	3	1	4
Pendakwaan Kes Baru	84	93	98	100	98
Bil. Kehadiran Di Mahkamah	136	165	186	205	179
Bil. Aktiviti Pendidikan Dan Perlindungan Pengguna	81	84	13	15	10


## B. PELESENAN

Pelesenan melibatkan aktiviti pemprosesan lesen dan permit ke atas permohonan Lesen Racun Jenis A, Lesen Racun Jenis B, Permit Natrium Hidroksida dan Permit Bahan Psikotropik yang dikeluarkan di bawah keperluan peruntukan Seksyen 26(1) Akta Racun 1952, peruntukan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Racun (Natrium Hidroksida) 1962 dan peruntukan peraturan 15 Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989.

Berikut ialah statistik perbandingan pengeluaran lesen dan permit bagi tahun 2014 hingga 2018.



**Rajah 7.1: Perbandingan Pengeluaran Lesen dan Permit Tahun 2014-2018**



**Rajah 7.2 : Pencapaian Aktiviti Pelesenan Tahun 2014-2018**

Tempoh pengeluaran Lesen atau permit baru merupakan salah satu daripada Piagam Pelanggan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Pulau Pinang iaitu pengeluaran lesen atau permit baru yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari bekerja. Mulai November 2016, semua pembaharuan lesen atau permit dan lesen/permit baru dibuat secara atas talian melalui sistem MyPharmaC. Sistem ini telah dibangunkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memudahkan permohonan pembaharuan dan permohonan baru lesen atau permit selaras dengan perkembangan teknologi terkini.

### C. PEMERIKSAAN PREMIS


Pengkelasan Premis	Pengkelasan Jenis Premis
Premis Berlesen	Premis yang mempunyai Lesen Racun Jenis A, B, dan Permit Natrium Hidroksida, Premis yang mempunyai Lesen Pengimport dan Pemborong Keluaran Berdaftar - (Farmasi Komuniti, Pengimport, Pemborong dan Pengilang Keluaran Farmaseutikal, Hospital Swasta, Pengimport dan Pemborong Bahan Kimia)
Premis Berdaftar	Klinik Perubatan, Klinik Pergigian, Klinik Veterinar dan Hospital Swasta
Premis Tidak Berlesen	Kedai Runcit/Ubat /Pasar Mini, Pengamal Perubatan Tradisional, Rumah Kediaman, Pasar Malam/Pagi, Kenderaan, Kaki Lima, Jualan


	Langsung, Ladang Ternakan, Kilang Makanan, Stor/Gudang,Salun Kecantikan/Spa/Aromatherapy/ Saloon atau Pusat Kecergasam/ Pusat Rawatan Rambut dan lain-lain.
--	---

Di bawah aktiviti ini, pemeriksaan premis berlesen dijalankan bagi tujuan pengeluaran lesen baru atau pembaharuan lesen dan pemeriksaan komplians untuk memastikan pemegang lesen dan premis yang dilesenkan mematuhi syarat dan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan. Pemeriksaan juga dilakukan ke atas klinik dan hospital swasta bagi memastikan pembekalan ubat-ubatan adalah untuk tujuan rawatan dan kepatuhan terhadap keperluan peruntukan undang-undang berkaitan.

Pemeriksaan rutin dijalankan ke atas premis tidak berlesen yang menjual ubat-ubatan/ kosmetik / produk suplemen kesihatan bagi memastikan tiada penjualan produk racun berjadual dan produk yang dijual adalah produk yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Berikut ialah statistik pencapaian aktiviti pemeriksaan premis bagi tahun 2014 sehingga 2018.

**Rajah 7.3 : Pencapaian Aktiviti Pemeriksaan Premis Tahun 2014-2018**





**Gambar : Pemeriksaan premis berlesen oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi Negeri Pulau Pinang**



**Gambar : Pemeriksaan premis berlesen oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi Negeri Pulau Pinang**





**Gambar: Pemeriksaan Premis Tidak Berlesen**

#### **D. SARINGAN & PEMERIKSAAN PENGIMPORAN DI PINTU MASUK**

Saringan & pemeriksaan pengimportan di pintu masuk dilakukan terhadap semua konsaimen yang dirujuk oleh pihak kastam melibatkan saringan konsaimen melalui kapal atau kargo udara, bungkusan melalui pos/mel/kurier udara dan bagasi penumpang. Saringan tersebut dilakukan oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi yang ditempatkan di Pelabuhan Butterworth Utara (NBCT), Pejabat Pos Butterworth dan Kompleks Kargo Udara Kedua, Batu Maung termasuk saringan bagasi penumpang kapalterbang daripada penerbangan antarabangsa yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.

Pemeriksaan dan saringan ke atas bagasi penumpang bagi tahun 2018 sebanyak 130,045 bagasi. Secara keseluruhannya, pada tahun 2018, sejumlah 25,939 konsainmen telah diperiksa melibatkan saringan terhadap 62,786 perkara dan daripada itu sebanyak 3387 perkara dirampas dianggarkan bernilai RM 715,750.

**Rajah 7.4 : Pencapaian Aktiviti Saringan Pengimportan Di Pintu Masuk Tahun 2014-2018**





***Gambar : Pemeriksaan kontena oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi Negeri Pulau Pinang***

## **E. RISIKAN DAN OPERASI**


Operasi serbuan dijalankan selepas risikan yang teliti dilakukan terhadap sasaran atau individu yang disyaki terlibat di dalam aktiviti yang melanggar peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan. Ini adalah untuk menjamin kejayaan sesuatu tindakan operasi tersebut.

Pada tahun 2018 sebanyak 119 serbuan dilakukan melibatkan rampasan 2079 perkara bernilai RM 10488406. Pada tahun 2016, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM telah menubuhkan CYFORS untuk menangani isu-isu penjualan ubat/ kosmetik terlarang secara atas talian. Setiap negeri perlu menyediakan laporan profiling daripada inteligens siber yang dijalankan dan bagi tahun 2018, CPF Pulau Pinang telah melaporkan sebanyak 25 profiling. 10 kes siasatan telah dibuka melibatkan 12 jenis rampasan digital seperti telefon, komputer peribadi dan tablet. Kerjasama dengan pihak TELCO, E-Commerce, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Cyber Security Malaysia (CSM) telah dijalankan di dalam memantapkan tindakan penguatkuasaan.

**Rajah 7.5 : Pencapaian Aktiviti Operasi Tahun 2014 – 2018**



**Rajah 7.6 : Pencapaian Aktiviti Operasi melibatkan Nilai Rampasan Tahun 2014- 2018**






## Ubat busuk ladang babi



KOTAK besar berisi ubat-ubatan haram disembunyikan di dalam kilang yang diserbu.

 Share

 Tweet

 Share

Mohd Jamilul Anbia Md Denin


[news@nstp.com.my](mailto:news@nstp.com.my)

## F. PENYIASATAN DAN PENDAKWAAN

Bagi semua kes yang melibatkan kesalahan dan pelanggaran undang-undang yang dikuatkuasakan, siasatan akan dijalankan oleh pegawai penguatkuasa farmasi yang telah diberi kuasa di bawah undang-undang tersebut. Penyiasatan melibatkan proses pengumpulan bukti fizikal, penganalisaan barang kes oleh Jabatan Kimia atau pengesahan status pendaftaran oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, pengambilan keterangan saksi dan pengesahan dokumen yang melibatkan agensi lain bertujuan bagi menyokong fakta kes agar tertuduh dapat disabitkan ke mahkamah. Selanjutnya, permohonan sanksi atau arahan pendakwaan daripada Timbalan Pendakwaraya diperlukan sebelum sesuatu kes siasatan dapat didaftarkan di mahkamah untuk pendakwaan.

Pada tahun 2018 sebanyak 199 kes disiasat melibatkan 2 kes tahun 2015, 4 kes tahun 2016 dan 69 kes tahun 2017 serta 124 kes kes siasatan tahun semasa dan daripada keseluruhan kes siasatan yang disiasat sebanyak 99 kes telah berjaya diselesaikan. Jika dilihat kepada tempoh masa penyelesaian kes, Cawangan ini telah berjaya mencapai standard QAP siasatan ditetapkan di mana peratus kes siasatan selesai dalam tempoh 4 bulan dicapai ialah 100 % (standard QAP6: 90%)


**Rajah 7.7 : Pencapaian Aktiviti Penyiasatan 2014-2018**



Pendakwaan kes di Mahkamah juga dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi dari cawangan ini meliputi pendakwaan sebutan kes baru dan kes bicara. Jumlah pendakwaan kes baru pada tahun 2018 ialah sebanyak 98 kes manakala kehadiran pegawai pendakwa ke mahkamah sepanjang tahun 2018 ialah 179 kehadiran.

Daripada 103 kes didakwa (98 kes tahun 2018, 5 kes dibawa dari tahun 2017) sebanyak 93 kes sebutan mengaku bersalah, 3 kes ditarik balik, dan 7 kes dibawa ke tahun 2019. Sebanyak 15 kes telah dibicarakan di mahkamah, 10 kes mengaku bersalah semasa perbicaraan, 2 kes ditarik balik dan 3 kes dibawa ke tahun 2019 untuk meneruskan perbicaraan. Jumlah denda yang dikutip untuk tahun 2018 adalah sebanyak RM526,400.00

**Rajah 7.8: Pencapaian Aktiviti Pendakwaan Tahun 2014-2018**



### **SARINGAN IKLAN DAN KUALITI**

Saringan pengiklanan juga merupakan salah satu aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan di mana Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Pulau Pinang telah dipertanggungjawabkan untuk menyaring akhbar Sinar Harian Edisi Utara, Utusan Pengguna dan Kwang Wah Yit Poh selain saringan terhadap siaran iklan melalui radio tempatan iaitu Mutiara FM dan Melody FM. Saringan terhadap iklan ini adalah berdasarkan peruntukan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Bagi tahun 2018 sebanyak 1,026 iklan telah disaring.

Pada tahun ini, dua dialog telah diadakan iaitu Dialog Antara Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Pulau Pinang dan Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan yang diadakan pada 17 April 2018 di Aras 3, Bangunan Persekutuan, Jalan Anson serta Dialog Antara Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Pulau

Pinang (CPFPP) dan Radio Televisyen Malaysia (Mutiara FM) yang diadakan pada 29 Ogos 2018 di Aras 8, Bangunan Persekutuan, Jalan Anson.



**Gambar : Dialog Antara Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Pulau Pinang (CPFPP) dan Radio Televisyen Malaysia (Mutiara FM)**

Dalam pengurusan kualiti, terdapat lima (5) indikator yang telah dimuktamadkan sebagai Petunjuk Prestasi (KPI) bagi Cawangan Penguatkuasaan Farmasi dan 4 indikator bagi Program Jaminan Kualiti (*Quality Assurance Programme*) (QAP). Jadual berikut menunjukkan pencapaian KPI dan QAP untuk CPF Pulau Pinang bagi tahun 2018. Secara keseluruhannya, Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Pulau Pinang telah berjaya mencapai sasaran untuk semua indikator KPI & QAP bagi tahun 2018.

Bil.	KPI	Tier	Sasaran 2018	Pencapaian 2018
1	Peratus pengeluaran lesen/ permit baru yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari bekerja	2,3,4	90%	<b>96%</b>
2	Peratus serbuan yang berjaya untuk diambil tindakan penguatkuasaan daripada jumlah serbuan yang dijalankan	2,3,4	98%	<b>99%</b>
3	Peratus kes yang berjaya dalam perbicaraan mahkamah daripada jumlah kes yang didakwa di mahkamah	2,3,4	95%	<b>100%</b>
4	Peratus kertas siasatan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya (TPR) selepas menerima Laporan analisa dalam tempoh satu (1) bulan	3,4	90%	<b>99%</b>

5	Peratus iklan ubat-ubatan di dalam media cetak yang dipantau mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan	1,2,3,4	90%	<b>100%</b>
---	---	---------	-----	-------------

No.	QAP Indicator	Standard 2018	Pencapaian 2018
1.	Complaint Related To Infringement of Pharmacy Laws Verified And Responded Within 2 Weeks	100%	<b>100%</b>
2.	Tactical Intelligence completed with operation order within 2 months	95%	<b>100%</b>
3.	Completion of investigation paper within 4 months	90%	<b>100%</b>
4.	Follow-up actions taken within 3 months after inspection of premises	98%	<b>100%</b>

## G. PENDIDIKAN DAN KESEDARAN PENGGUNA

Pada tahun 2018, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM menasaskan aktiviti kesedaran pengguna kepada pembekal iaitu terdiri daripada pengimport, pemborong, pengilang, pengedar dan peruncit ubat-ubatan serta pihak berkepentingan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, pemegang lesen dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, pembekal perlu didedahkan dengan maklumat mengenai aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan, kawalan undang-undang terhadap pengedaran dan pengiklanan ubat-ubatan, bahan kimia dan kosmetik serta pengetahuan bagaimana mengenalpasti ubat-ubatan yang berdaftar di pasaran yang telah disahkan sebagai berkualiti, selamat dan berkesan.

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 10 aktiviti pendidikan dan kesedaran pengguna telah dijalankan melibatkan aktiviti pameran, ceramah dan dialog. Ianya meliputi 5 ceramah, 1 pameran dan 4 dialog dengan agensi kerajaan/swasta.



**Gambar: Dialog Cawangan Penguatkuasaan Farmasi bersama Pemegang Lesen A**



**Gambar: Dialog Cawangan Penguatkuasaan Farmasi bersama Pemegang Lesen A**



**Gambar: Sesi Taklimat Penggunaan Logo Farmasi Pada Signboard Farmasi Komuniti-  
Penguatkuasaan Pemakaian Logo bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang**

## H. KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN CPF PULAU PINANG SEPANJANG 2018



Pada 23-24 Oktober 2018 telah diadakan Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia yang berlangsung di Hotel Summit USJ, Subang Jaya, Selangor. Pada konvesyen tersebut, CPF Pulau Pinang telah memenangi Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia 2018 (Kategori Teknologi) – **Tempat Kedua** untuk *Intelligent Tracking & Recording Exhibit System (I-TRES)*. Sistem ini telah direplikasikan ke semua Cawangan Penguatkuasaan Farmasi di seluruh negara.



Tambahan pula, Projek Inovasi iaitu EXHIVID 1.0 telah memenangi **Johan** pada Pertandingan Inovasi Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang 2018 bagi Kategori Proses yang diadakan pada 16 Ogos 2018 yang berlangsung di Auditorium ACC Hospital Pulau Pinang.



Di dalam *10<sup>th</sup> National Pharmacy Research & Development Conference 2018* yang berlangsung di Hotel Royale Chulan, Seremban pada 9-11 Julai 2018, Kajian R& D bertajuk *Scheduled Substances as A Cause Leading to Dangerous Drug Abuse* telah berjaya merangkul **Tempat Kedua** bagi Pembentang Terbaik.